

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2011

PERUBAHAN TEMPOH PENGALAMAN BEKERJA BAGI PERMOHONAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran ini bertujuan memaklumkan perubahan tempoh pengalaman bekerja bagi permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT telah dilancarkan pada 13 September 1996. Kaedah ini memberi peluang kepada pekerja mahir di negara ini untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap keterampilan serta pengalaman terdahulu yang mereka miliki. Pekerja-pekerja mahir ini yang sememangnya mempunyai kemahiran dan pengalaman tetapi tidak mempunyai sijil tertentu boleh mendapatkan pengiktirafan melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia di mana mereka boleh dianugerahkan Sijil tanpa perlu mengikuti latihan secara formal. Pekerja-pekerja mahir ini hanya perlu membuktikan keterampilan yang telah dimiliki atau diperolehi untuk dinilai dan disahkan dengan menjadikan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) sebagai asas penilaian.

3. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 62,252 SKM/DKM/DLKM/PC telah dikeluarkan kepada pekerja mahir dalam pelbagai bidang dan bilangan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan keperluan pekerja mahir industri yang disasarkan oleh kerajaan menjelang tahun 2020. Selaras dengan keperluan tersebut, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi mengalakkan pertambahan bilangan pekerja mahir negara yang mempunyai Sijil yang diiktiraf.

PERUBAHAN TEMPOH PENGALAMAN BEKERJA

4. Bagi memastikan Sijil yang dikeluarkan mendapat pengiktirafan sewajarnya, Jabatan ini telah menetapkan supaya tempoh pengalaman bekerja bagi permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT diubah mengikut keperluan semasa. Perubahan tempoh pengalaman bekerja dan bidang berkaitan adalah seperti berikut:

Jenis Persijilan	Tempoh Pengalaman Kerja
SKM Tahap 1	2 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan
SKM Tahap 2	3 tahun pengalaman; atau Memiliki SKM Tahap 1 beserta satu (1) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
SKM Tahap 3	4 tahun pengalaman; atau Memiliki SKM Tahap 2 beserta satu (1) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
DKM	5 tahun pengalaman; atau Memiliki SKM Tahap 3 beserta dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
DLKM	7 tahun pengalaman; atau Memiliki DKM beserta dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan berkaitan

Nota: Bagi permohonan Sijil pada tahap yang lebih tinggi, pemohon hendaklah memiliki Sijil pada tahap sebelumnya, jika diperlukan oleh Stantard berkenaan.

5. Bagi permohonan program Pegawai Latihan Vokasional (VTO), pemohon tidak disyaratkan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia bagi mana-mana bidang kemahiran. Tempoh pengalaman mengajar dan mengurus latihan kemahiran yang diperlukan bagi permohonan program Pegawai Latihan Vokasional (VTO) / Eksekutif Latihan Vokasional (VTE) / Pengurus Latihan Vokasional (VTM) adalah seperti berikut:

Jenis Persijilan	Tempoh Pengalaman Mengajar & Mengurus Latihan Kemahiran
VTO (I-031-3)	≥ 4 tahun pengalaman mengajar
VTE (I-031-4)	Memiliki VTO beserta satu (1) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran
VTM (I-031-5)	Memiliki VTE beserta dua (2) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran

PERMOHONAN PPT

6. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang boleh dicetak di . Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran bersama-sama dokumen sokongan lain yang ditetapkan, iaitu:

- a) Borang Permohonan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) [JPK/PPT/1001(P1)] yang telah lengkap diisi;
- b) Bayaran permohonan sebanyak RM300 bagi setiap permohonan dalam bentuk *Kiriman Wang, Deraf Bank atau Pesanan Kerajaan (L.O.)* atas nama '**KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**' yang memiliki tempoh sah laku sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan diterima. Bayaran dalam bentuk tunai, wang pos dan lain-lain **tidak** akan diterima;
- c) Salinan Kad Pengenalan Pemohon;
- d) Surat perakuan tempoh pengalaman bekerja dalam bidang kemahiran berkenaan;
- e) Salinan SKM tertinggi yang dimiliki (jika ada); dan
- f) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Nota: Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan oleh majikan/pegawai kerajaan kumpulan A.

7. Bayaran permohonan tidak akan dikembalikan. Bagi mana-mana permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, permohonan dianggap **gagal** dan bayaran permohonan **tidak akan dikembalikan**.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011 dan hendaklah dibaca bersama Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasa Surat Pekeliling ini maka para 3.1, 3.2, 3.3, 3.5 dan 3.6 dalam Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu adalah terbatal.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DR. PANG CHAU LEONG

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

19 Mei 2011